



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

SIARAN MEDIA
DASAR BAHARU PENGGAJIAN EKSPATRIAT
BERMULA 1 JUN 2026

1. 14 Januari 2026, Putrajaya – **Kerajaan Malaysia MADANI kekal komited** untuk memastikan pembangunan ekonomi negara dilaksanakan secara mampan, inklusif dan berteraskan keutamaan bakat tempatan, di samping terus mengekalkan daya saing Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang berdaya maju dan mesra perniagaan.
2. Sehubungan itu, **Jemaah Menteri pada 17 Oktober 2025 telah bersetuju untuk melaksanakan dasar baharu penggajian ekspatriat**, yang melibatkan penstrukturan semula kadar gaji bagi Pas Penggajian Kategori I, II dan III, serta penetapan tempoh penggajian ekspatriat di Malaysia.
3. Dasar penggajian ekspatriat semasa yang berpandukan keputusan **Mesyuarat Majlis Ekonomi pada 20 Disember 2016** telah ditambah baik melalui **siri sesi libat urus bersama pihak industri dan pemegang taruh sejak tahun 2022**. Penetapan dasar baharu ini adalah selaras dengan sasaran **Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13)** untuk mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing serta memberi keutamaan kepada bakat tempatan yang layak bagi

mengisi kekosongan jawatan sebelum mempertimbangkan pengambilan ekspatriat.

4. Selain penyelarasan gaji, dasar ini turut memperkenalkan **tempoh penggajian ekspatriat** yang sebelum ini tidak mempunyai had yang khusus. Penetapan tempoh ini bukan sahaja bertujuan untuk meraikan ekspatriat yang mempunyai kepakaran tinggi untuk terus menyumbang kepada negara, malah berfungsi sebagai **panduan kepada majikan dalam merancang pelan penggantian** secara lebih tersusun dengan penglibatan tenaga kerja tempatan.

5. **Dasar baharu penggajian ekspatriat adalah seperti berikut:**

- (i) gaji ekspatriat Pas Penggajian Kategori I dinaikkan daripada RM10,000 dan ke atas kepada **RM20,000 dan ke atas**;
- (ii) gaji ekspatriat Pas Penggajian Kategori II dinaikkan daripada RM5,000 hingga RM9,999 kepada **RM10,000 hingga RM19,999**;
- (iii) gaji ekspatriat Pas Penggajian Kategori III dinaikkan daripada RM3,000 hingga RM4,999 kepada **RM5,000 hingga RM9,999**, kecuali bagi sektor pembuatan dan *manufacturing related services* (MRS) yang ditetapkan pada **RM7,000 hingga RM9,999**;
- (iv) tempoh penggajian Pas Penggajian Kategori I ditetapkan kepada **10 tahun**;
- (v) tempoh penggajian Pas Penggajian Kategori II ditetapkan kepada **10 tahun dengan pelan penggantian**;
- (vi) tempoh penggajian Pas Penggajian Kategori III ditetapkan kepada **5 tahun dengan pelan penggantian**; dan

(vii) semua ekspatriat yang memegang Pas Penggajian Kategori I, II dan III **dibenarkan membawa tanggungan.**

6. Bagi memberi ruang persediaan yang mencukupi kepada pihak majikan dan industri, **dasar baharu ini akan mula dikuatkuasakan pada 1 Jun 2026.**

7. **Ke arah pelaksanaan sepenuhnya dasar ini,** Kementerian Dalam Negeri akan **menganjurkan sesi temu rapat dan libat urus bersama semua pemegang taruh** termasuk pihak industri, majikan dan agensi berkaitan bagi menjelaskan mekanisme pelaksanaan, implikasi dasar serta memastikan **transisi dasar ini berjalan secara teratur, telus dan tidak menjejaskan kelangsungan operasi perniagaan.**

8. Seiring dengan prinsip **Malaysia MADANI**, Kerajaan akan terus memastikan bahawa setiap pembaharuan dasar dilaksanakan secara **berperingkat, berimbang dan berteraskan kepentingan negara**, demi menjamin pertumbuhan ekonomi yang mampan serta pembangunan modal insan tempatan dalam jangka panjang.

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

14 Januari 2026

- TAMAT -

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Dalam Negeri

mediaukom@moha.gov.my | pro@moha.gov.my | 03-88800806/0807/0812